



20 APR, 2024

8 jam pantau rumah, rampas dadah RM1j

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Butterworth: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) Pulau Pinang menumpaskan sindiket penyeludupan dadah dengan rampasan bernilai hampir RM1 juta (**gambar**) dalam serbuan di kawasan perumahan sekitar Bukit Gambir, Gelugor dekat sini, 4 April lalu.

Cawangan Risikan Ibu Pejabat JKDM bersama sepasukan pegawai Unit Narkotik Bahagian Penguatkuasaan negeri sebelum itu membuat pemantauan di kawasan perumahan terbabit bermula jam 9.30 malam.

Pengarah JKDM Pulau Pinang, Roselan Ramli berkata, selepas hampir lapan jam menunggu dan didapati tiada sebarang pergerakan manusia di kawa-

8 jam pantau rumah, rampas dadah RM1j

san terbabit.

“Pasukan itu membuat pemeriksaan dan menjumpai dua beg yang diletakkan di bawah pokok di dalam kawasan perumahan berkenaan.

“Beg itu dibawa ke pejabat untuk pemeriksaan rapi sebelum pasukan menemui 30 bungkus kecil yang dibalut dengan teh hijau tertera ‘Guanyinwang’ berisi hablur kristal dipercayai dadah jenis Methamphetamine seberat 30 kilogram (kg) dianggarkan bernilai RM966,976,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media di Stor

Penguatkuasaan JKDM di Bagan Jermal, semalam.

Mengulas lanjut, Roselan berkata, sindiket itu didapati menggunakan modus operandi sedemikian bagi mengaburi mata pihak penguat kuasa.

“Pihak kami masih menjalankan siasatan untuk mengesan suspek yang terbabit dalam penyeludupan dadah ini dengan meneliti rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dari bangunan berhampiran,” katanya.

Menurutnya, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.





20 APR, 2024

8 jam pantau rumah, rampas dadah RM1j

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Butter worth: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) Pulau Pinang menumpaskan sindiket penyeludupan dadah dengan rampasan bernilai hampir RM1 juta (gambar) dalam serbuan di kawasan perumahan sekitar Bukit Gambir, Gelugor dekat sini, 4 April lalu. Cawangan Risikan Ibu Pejabat JKDM bersama sepasukan pegawai Unit Narkotik Bahagian Penguatkuasaan negeri sebelum itu membuat pemantauan di kawasan perumahan terbabit bermula jam 9.30 malam.